

Berita palsu masih kuasai minda rakyat

SHINGGA 23 September tahun ini, laman sawang *Sebenarnya.my* menyiarkan 11 artikel penjelasan berkenaan isu dan berita palsu yang ditularkan melalui internet.

Penjelasan terbaharu yang dibuat oleh portal kendalian Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) itu adalah mengenai penyebaran senarai 13 restoran yang didakwa dimiliki bukan Islam dan kononnya mempergunakan pekerja Melayu dan sijil halal palsu untuk menipu pelanggan Islam.

Pada masa sama, Bahagian Hab Halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) turut membuat penafian rasmi berhubung perkara itu.

Setakat ini, *Sebenarnya.my* telah menyiarkan 135 artikel penjelasan dan pembetulan fakta terhadap 'berita-berita' yang disebar di internet terutamanya melalui media sosial.

Portal itu ditubuhkan pada 14 Mac 2017 sebagai pusat sehati bagi mengekang berita-berita palsu dalam talian yang semakin berleluasa khususnya dalam media sosial.

Ini jelas menunjukkan bahawa berita palsu masih membelenggu rakyat dan pihak berkuasa pula terpaksa terus tampil memberi penjelasan mengenainya, selain sering mengingatkan mereka bahaya yang menanti jika berita palsu sentiasa menjadi santapan minda mereka.

Ramai yang tidak sedar bahawa penyebaran berita palsu boleh memberi impak negatif kepada negara daripada pelbagai aspek termasuk menimbulkan keresahan masyarakat, menimbulkan kebencian dan lebih teruk lagi boleh mengakibatkan huru-hara.

Berita tidak benar boleh timbul dalam pelbagai bentuk. Ia mungkin berbentuk fitnah, menyebarkan aib sesetengah pihak dan boleh menjadi perkara yang disalah tafsir pihak yang menyebarkannya, tanpa ada niat untuk menipu.

Pengarah Institut Pendidikan Neo (INED), Prof. Dr. Azizul Halim Yahya berkata, penularan fitnah melalui media sosial dan internet bukan saja berlaku di Malaysia malah di serata dunia.

Beliau berkata, internet memudahkan akses kepada landasan penyampaian maklumat yang membolehkan penyampaian sebarang maklumat, sama ada benar mahupun fitnah, dilakukan dengan mudah dan tanpa pantauan.

Meskipun ada beberapa perkara yang dikongsi di internet dilakukan sekadar gurauan atau permainan, namun audiens yang membaca

Menjengah Minda

Bersama ALI IMRAN MOHD. NOORDIN (*Bernama*)

Amalan kewartawanan awam yang semakin digemari netizen turut menyumbang kepada pertambahan dan penularan berita palsu

atau menonton maklumat itu belum tentu dapat membezakan realiti antara dua keadaan itu, katanya.

Azizul yang juga bekas Dekan Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Universiti Teknologi Mara (UiTM) menjelaskan bahawa, dengan kecanggihan teknologi masa kini, perbuatan menyunting gambar, video, logo, surat, cop mohor dan sebagainya boleh dibuat dengan 'bersih' sehingga sukar dikesan sama ada palsu atau tulen.

Menurut beliau, keadaan ini semestinya boleh membawa kesan kepada situasi politik, ekonomi dan sosial dalam negara.

"Apabila rakyat mempercayai sesuatu yang tidak benar, mereka tidak boleh membuat pertimbangan yang betul. Tambah buruk lagi jika ahli politik yang terlibat dalam penggubalan undang-undang negara (juga mempercayai berita palsu dan) mereka akan membuat pertimbangan yang salah dengan kesannya hanya dilihat lama selepas itu," katanya.

Amalan 'citizen journalism' atau 'kewartawanan awam' yang semakin digemari netizen sesuai dengan perkembangan teknologi dan kepelbagaian platform media sosial juga menyumbang kepada pertambahan dan penularan berita palsu.

Sekiranya seseorang netizen memainkan peranan sebagai 'wartawan' tanpa memahami etika dan amalan pemberitaan yang betul, ia boleh memberi kesan kepada tahap integriti bahan yang disebar.

Penulisan status, komen, ciapan, siaran gambar, poster, 'meme' atau video yang dibuat tanpa memahami faktor sosiobudaya dan sensitiviti kaum boleh mengakibatkan timbulnya rasa tidak senang, terhina atau tersinggung.

Keadaan menjadi lebih buruk jika kemudian menjadi punca perbalahan, pergaduhan atau rusuhan dalam kalangan masyarakat yang selama ini hidup rukun damai dalam suasana harmoni.

Pensyarah Kanan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Syed Agil Shekh Alsagoff berkata, bahan-bahan berbentuk spekulasi, tuduhan dan penghinaan adalah antara perkara yang boleh memberi impak besar kepada negara.

"Mereka mahu menyebarkan maklumat dengan pantas dan menarik tanpa memikirkan akibat kepada orang tertentu yang menjadi mangsa penyebaran berita itu. Kadangkala berita itu betul tetapi hanya disiarkan 'separuh jalan' untuk menarik perhatian pembaca," katanya.

Katanya, walaupun Malaysia mempunyai undang-undang yang boleh mengekang penyebaran berita palsu, namun cara yang paling berkesan untuk menangani isu itu adalah melalui pendidikan dan kesedaran kepada masyarakat.

"Penekanan budaya 'self-regulation' atau kawal selia sendiri akan mendidik masyarakat untuk meneliti semua bentuk kandungan yang diterima berdasarkan sumber sah, sahih dan sesuai dengan adab dan budaya kita sebagai sebahagian daripada proses menilai sama ada maklumat yang diterima itu benar atau salah," jelas beliau.


KOSMORAMA

Oleh MARO

Hahh! Tu chatting dengan siapa tu?

Dengan mylove la mak!

Mylove takpe... jangan terkena love scam plak!



Cari jalan 'tekan' Indonesia isu jerebu

CUACA berjerebu yang melanda Malaysia dilihat semakin berkurangan sejak minggu lalu berbanding minggu-minggu sebelumnya.

Namun, ia masih belum cukup untuk melegakan hati rakyat Malaysia kerana situasi ini kerap kali dihadapi saban tahun sehingga boleh diibaratkan seperti satu kelaziman dalam kalendar negara kita.

Umum mengetahui bahawa jerebu yang sering datang 'menyerang' Malaysia adalah berpunca daripada asap kebakaran hutan di Sumatera dan Kalimantan, Indonesia.

Tidak dapat dipastikan sama ada kebakaran itu tidak disengajakan kerana fenomena cuaca panas terlampau atau memang sengaja dilakukan oleh syarikat-syarikat perladangan yang masih menggunakan kaedah tebas dan bakar untuk membersihkan hutan menjadi ladang.

Apa pun, sama ada sengaja atau tidak, rakyat negara ini tetap menuding jari menyalahkan kerajaan Indonesia kerana masih gagal mengawal masalah yang sering berlaku di negara mereka sehingga memudaratkan negara jirannya.

Menerusi respons dalam media sosial, kebanyakan rakyat Malaysia mahu kerajaan Indonesia dikenakan hukuman oleh ASEAN di atas kegagalan mengawal kebakaran hutan yang menjadi punca kepada jerebu.

Bagaimanapun, ASEAN sebenarnya tidak memiliki 'kuasa' untuk mengenakan tindakan terhadap Indonesia kerana istilah ini tidak wujud dalam konsep hubungan antarabangsa antara negara-negara berdaulat.

Menerusi pandangan peribadi Pegawai Tadbir dan Diplomatik dan juga pakar dalam hubungan antarabangsa, Ayman Rashdan Wong, beliau menjelaskan bahawa ASEAN sebenarnya tidak mempunyai mekanisme untuk mengenakan atau menjatuhkan hukuman terhadap mana-mana negara serantaunya.

Hal ini kerana menurutnya, ASEAN tidak mempunyai undang-undang untuk menghukum kesalahan negara-negara anggotanya, malah juga tidak boleh mendefinisikan apakah kesalahan yang dilakukan oleh sesebuah negara tersebut.

Dalam hubungan antarabangsa, ASEAN adalah sebuah pertubuhan yang menjadi platform bagi negara-negara serantau untuk berinteraksi berdasarkan norma-norma yang dipersetujui.

Oleh kerana itu, dalam ASEAN, norma-norma tersebut ialah perbincangan dan pemuafakatan yang mana memerlukan kata sepakat daripada seluruh negara anggota sebelum sesuatu perkara atau cadangan diluluskan serta dipraktikkan.

Apa jua yang dimeterai dalam perjanjian ASEAN sebenarnya lebih terarah kepada menggalakkan kerjasama dan perbincangan sesama negara anggota, bukan untuk mencari kesalahan dan menghukum.

Meskipun terdapat satu perjanjian mengenai masalah jerebu iaitu ASEAN Agreement on Transboundary Haze Pollution pada 2002 dan Indonesia menyertainya pada 2014, namun ia hanya menyarankan semua negara bekerjasama untuk menanganinya dan bukan mengambil tindakan terhadap negara yang dianggap sebagai 'punca' jerebu.

Mengheret Indonesia ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) juga dilihat tidak akan menyelesaikan masalah kerana sebagai negara berdaulat dan mempunyai kuasa besar di rantau Asia Tenggara, Indonesia masih boleh 'lari' daripada kesalahan tersebut.

Hal ini kerana dalam hubungan antarabangsa, undang-undang hanyalah simbolik, sebaliknya kuasa adalah yang paling utama. Maka, sama ada kita suka atau tidak, hanya diplomasi jalan penyelesaian terbaik ketika ini.

Namun, sampai bila kita boleh bertahan dengan langkah diplomasi sedangkan saban tahun rakyat terus menderita dengan kesan yang berpunca daripada kegagalan Indonesia menangani masalah jerebu ini.

Mungkin sudah tiba masanya semua negara ASEAN lain bersatu dan membuat aduan terhadap Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau persatuan alam sekitar dunia lain yang mampu memberi tekanan ke atas Indonesia supaya lebih serius tentang masalah ini.